

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SERAH KUTIPAN DERMA

■ **DERMA** sejumlah BND10,000 daripada institusi-institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam bagi Tabung Kemanusiaan Palestin 2021 diserahkan pada satu majlis di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

■ **SUMBANGAN** berkenaan adalah hasil kutipan daripada Program Amal Varsity Run 2021 anjuran bersama UBD, UNISSA, UTB dan KUPU SB.

■ **TABUNG Kemanusiaan Palestin 2021** dibukakan kepada orang ramai selama tiga bulan bermula 26 Mei 2021 sebagai sebuah platform yang disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk membuka peluang kepada orang ramai menyumbangkan derma, berbentuk kewangan secara langsung.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Ogos. - Tabung Kemanusiaan Palestin 2021 yang masih dibukakan sehingga 23 Ogos, hari ini menerima derma sejumlah BND10,000 daripada institusi-institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam yang diserahkan pada satu majlis di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Penyerahan sumbangan tersebut diterima oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin

daripada Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Datin Dr. Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Besar.

Sumbangan berkenaan adalah hasil kutipan daripada Program Amal Varsity Run 2021 anjuran bersama UBD, UNISSA, UTB dan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (tiga, kanan) menerima derma sejumlah BND10,000 daripada institusi-institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam yang diserahkan oleh Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) (tiga, kiri); Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) (empat, kanan); Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) (dua, kiri); dan Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) (empat, kiri) hasil kutipan daripada Program Amal Varsity Run 2021 anjuran bersama UBD, UNISSA, UTB dan KUPU SB bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-75 bagi Tahun 2021.

KUPU SB bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-75 bagi Tahun 2021, yang telah diadakan pada 25 Julai lalu.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan) KKBS, Dayang

■ **Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Saidah binti Haji Wahid @ Burut serta wakil-wakil daripada institusi-institusi berkenaan.

Tabung Kemanusiaan Palestin 2021 dibukakan kepada orang ramai selama tiga bulan bermula 26 Mei 2021 sebagai sebuah platform yang disediakan oleh

pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk membuka peluang kepada orang ramai menyumbangkan derma berbentuk kewangan secara langsung dan telus serta bagi membolehkan pelbagai pihak untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti amal dan berkebakikan demi meringankan beban mangsa-mangsa di Palestin.



SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi) Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada mesyuarat melalui persidangan video berkenaan.

BERAKAS, Isnin, 2 Ogos. - Mesyuarat Ketiga Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan ASEAN bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN Ke-52 secara rasminya bermula hari ini, melalui persidangan video. Mesyuarat

tersebut dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi) Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, mewakili Negara Brunei Darussalam.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan ASEAN dari 10 negara anggota ASEAN (AMS), Timbalan Setiausaha Agung bagi Komuniti Ekonomi ASEAN dan pegawai-pegawai kanan daripada Sekretariat ASEAN.

Mesyuarat yang akan berlangsung selama tiga hari itu dijangka berakhir pada 4 Ogos 2021 adalah merupakan mesyuarat susulan kepada hasil-hasil Mesyuarat SEOM 2/52 dan merupakan persediaan bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) Ke-53 dan mesyuarat-mesyuarat yang berkenaan yang dijangka diadakan pada bulan September 2021.

Mesyuarat juga antara lain mengalu-alukan perkembangan baik Priority Economic Deliverables (PEDs) di bawah pimpinan Negara Brunei Darussalam sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2021.

■ **MESYUARAT** Ketiga Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan ASEAN bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN Ke-52 diadakan secara persidangan video hari ini.

■ **MESYUARAT** juga antara lain mengalu-alukan perkembangan baik Priority Economic Deliverables (PEDs) di bawah pimpinan Negara Brunei Darussalam sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2021.

■ **MESYUARAT** juga akan memuktamadkan senarai jenis-jenis barangan asasi yang telah diperluaskan di bawah 'Memorandum of Understanding on the Implementation of Non-Tariff Measures (NTMs) on Essential Goods under the Hanoi Plan of Action on Strengthening ASEAN Economic Cooperation and Supply Chain Connectivity in Response to the COVID-19 Pandemic'.

■ **MESYUARAT** juga akan bertukar pandangan mengenai hala tuju hubungan ekonomi dengan rakan-rakan dialog.

Bincang hala tuju bidang ekonomi

■ **Oleh : Aimi Sani**

Foto : Ak. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Mesyuarat juga mengambil maklum mengenai perkembangan terkini ke atas pelaksanaan ASEAN Comprehensive Recovery Framework (ACRF) dan bertukar pendapat ke atas pelaksanaan cadangan-cadangan di bawah Mid-Term Review (MTR) of AEC Blueprint 2025 serta membincangkan laporan-laporan badan-badan sektoral di bawah bidang tugas Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan ASEAN.

Mesyuarat juga akan memuktamadkan senarai jenis-jenis barangan asasi yang telah diperluaskan di bawah 'Memorandum of Understanding on

the Implementation of Non-Tariff Measures (NTMs) on Essential Goods under the Hanoi Plan of Action on Strengthening ASEAN Economic Cooperation and Supply Chain Connectivity in Response to the COVID-19 Pandemic'.

Senarai tersebut antara lain merangkumi produk-produk makanan dan pertanian yang akan dihadapkan bagi pengesahan Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN di Mesyuarat AEM Ke-53.

Mesyuarat juga akan bertukar

pandangan mengenai hala tuju hubungan ekonomi dengan rakan-rakan dialog, termasuk Australia dan New Zealand, Kanada, Republik Rakyat China, Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS), Kesatuan Eropah (EU), India, Jepun, Republik Korea, Rusia, Switzerland, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Mesyuarat Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan ASEAN bersama rakan-rakan dialog akan diadakan melalui persidangan video pada 5, 11 dan 16 Ogos 2021.



SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi) Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pegawai-pegawai Ekonomi Kanan ASEAN dari 10 negara anggota ASEAN (AMS), Timbalan Setiausaha Agung bagi Komuniti Ekonomi ASEAN dan Pegawai-pegawai Kanan daripada Sekretariat ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Ketiga Pegawai-Pegawai Ekonomi Kanan ASEAN bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN Ke-52 melalui persidangan video.